

UMS bakal miliki hospital universiti

NST 9.5.2013 5

KOTA KINABALU: Sebuah hospital universiti bakal diwujudkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak lama lagi, kata Naib Canselor UMS, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata projek yang akan dibina dalam kampus itu akan mempunyai 400 katil dan telah diluluskan oleh Kabinet.

Hospital itu akan turut memberi kemudahan kepada sesi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kepada perkembangan program perubatan di UMS, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kesedaran

Pengurusan Bencana dan Kecemasan di kampus utama UMS di sini kelmarin.

"Pada masa kini pelajar terpaksa menjalani latihan di Sandakan dan di sekitar Kota Kinabalu dan ini menjadi masalah.

"Dengan adanya hospital ini, ia akan dapat membantu pelajar memberi tumpuan kepada latihan mereka. Ia juga akan memberi kemudahan perubatan khusus di negeri ini," katanya.

Mohd Harun berkata Sekolah Perubatan UMS kini mempunyai kira-kira 500 orang pelajar. - Bernama



KERJA-kerja pembersihan sisa tanah runtuh yang berlaku di Lebuhraya Mahameru sedang giat dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Kuala Lumpur, kelmarin. Kejadian itu dilaporkan berlaku ketika hujan lebat tengah malam kelmarin.-Foto Bernama